

17 MAR 2000

KESATUAN PEKERJA BANK MAHU SIASATAN KAKITANGAN DEDAHKAN MAKLUMAT

KUCHING, 17 Mac (Bernama) -- Kesatuan Kakitangan Bank Sarawak (SBEU) bimbang berikutan kakitangan bank membuat salinan dokumen urusan kerajaan dan mengedarkannya dalam Internet sebagaimana yang didakwa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Setiausaha agungnya Andrew Lo berkata perbuatan itu jika benar adalah menyalahi undang-undang rahsia perbankan yang memberikan perlindungan kepada urusan antara bank dan pelanggan.

"SBEU mahu perkara itu ditangani secara profesional dan sebarang dakwaan mesti diadakan kepada polis dan Bank Negara untuk diambil tindakan," katanya dalam kenyataan akhbar hari ini.

Lo berkata sesiapa yang didapati bersalah mesti dihukum dengan setimpalnya.

Beliau berakta SBEU meminta semua pihak agar bertindak secara profesional dan telus dalam menangani perkara itu.

Dr Mahathir pada Khamis lepas berkata kakitangan bank yang menyokong pembangkang membocorkan transaksi kewangan kerajaan yang sepatutnya adalah rahsia.

--BERNAMA

MT RI